



# Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 4/ 2024 (APRIL 2024)

Tarikh	Tajuk	Bil
5 April 2024M/ 25 Ramadhan 1445H	<b>Kunci Menemukan Lailatul Qadar</b>	1.
12 April 2024M/ 3 Syawal 1445H	<b>Kemanisan Yang Semakin Tawar</b>	2.
19 April 2024M/ 10 Syawal 1445H	<b>Ziarah Satu Tuntutan</b>	3.
26 April 2024M/ 17 Syawal 1445H	<b>Syawal: Antara Kegembiraan dan Kepiluan</b>	4.
<b>Khutbah Kedua</b>		

Dibiayai:



Zakat Pulau Pinang

Diterbitkan:



Jabatan Hal Ehwal Agama  
Islam Pulau Pinang



***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Syawal: Antara Kegembiraan dan Kepiluan

26 April 2024M/ 17 Syawal 1445H

---

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ، ثُمَّ الَّذِينَ  
كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قال الله تعالى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Dalam perhimpunan yang berkat di *Saiyyidul Ayyam* ini, marilah bersama kita perteguhkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan memastikan setiap perintah-Nya ditunaikan dan setiap larangan-Nya dielakkan. Sesungguhnya, orang yang benar-benar bertakwa pasti akan memperolehi hati yang tenang dan jiwa yang lapang.

Sebelum meneruskan bicara, khatib memberi peringatan agar kita tinggalkan perbuatan lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkap



kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita hayati bicara mimbar yang bertajuk: **Syawal: Antara Kegembiraan dan Kepiluan.**

## **HADIRIN YANG DIMULIAKAN,**

Alhamdulillah. Marilah kita merafa'kan rasa syukur ke hadrat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas limpahan kurniaan-Nya yang tidak pernah kunjung padam. Dengan limpahan nikmat dan kasih sayang Allah, sekali lagi pada tengahari yang berkat ini kita mendapat ketenangan, keamanan dan keselesaan.

Syawal telah berlalu. Masih ingatkah emosi kita ketika berpisah dengan Ramadhan dahulu? Pasti bercampur baur, antara sedih dan gembira. Rasa sedih dan terharu kerana terpaksa berpisah dengan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan. Hanya hati yang lalai dan terpengaruh dengan tarikan dunia sahaja yang tidak sedih dengan perginya Ramadhan. Entah masih ada peluang atau tidak untuk bertemu dengan Ramadhan yang akan datang.

Apa pun yang akan berlaku, teruskan berdoa agar Allah menerima segala ibadah yang telah ditunaikan dan kita dipertemukan lagi dengan Ramadhan yang akan datang. Perasaan sedih kerana berpisah dengan Ramadhan dan berharap untuk bertemu lagi dengannya pada tahun akan datang, adalah tanda jiwa kita sudah terkesan dengan didikan cintakan amal soleh.

Kesedihan mungkin terubat apabila mengenangkan diri kita telah berjaya menjalani proses didikan, untuk kembali kepada fitrah kejadian manusia yang suci bersih daripada dosa dan noda. Kalau begitu halnya yang berlaku kepada diri kita, ucaplah alhamdulillah, tanda syukur dan



gembira dengan nikmat kembali kepada fitrah. Ia menjadikan kita mampu dan bersedia untuk terus menerima ajaran Islam, dan mempraktikkannya dalam kehidupan. Hal ini kerana Islam bukan sekadar satu kepercayaan atau akidah semata-mata bahkan Islam adalah satu cara hidup yang sempurna.

## **SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI,**

Proses penyucian jiwa yang telah lakukan sepanjang Ramadhan hendaklah diteruskan pada bulan-bulan berikutnya. Syawal adalah saat yang sangat sesuai untuk kita jadikan penanda aras kesan didikan yang diterima. Corak dan perlakuan seharian yang sudah dilatih dalam tempoh sebulan diharapkan dapat membentuk rutin baharu hidup kita.

Sangat indah bukan, perihal dan perlakuan masyarakat sepanjang tempoh sebulan yang lalu. Semua lapisan masyarakat tanpa mengira status dan kedudukan berusaha melakukan yang terbaik. Tutur bicara dan tindak tanduk sentiasa dikawal kerana bimbang berkurangnya pahala ibadah puasa Ramadhan. Bukan sekadar itu sahaja, semangat berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan sangat ketara. Terkenangkan suasana harmoninya hidup masyarakat yang disulami dengan akhlak dan adab, hati menjadi gembira dan berharap mampu mengharungi hari-hari mendatang dengan adab serta akhlak tersebut.

Lantaran itu, jika sepanjang Ramadhan kita boleh melazimkan diri mengingati Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan berzikir, berwirid, qiyamullailil dan membaca Al-Quran hingga khatam, mengapa selepas Ramadhan kita tidak mampu meneruskan amalan tersebut? Adakah kerana berbezanya perjalanan masa? Tentu sekali-kalinya tidak.



Oleh itu teruskanlah amalan membaca dan mentadabbur ayat-ayat Allah, walaupun sekadar beberapa minit dalam sehari. Hati gundah pastinya tenang dan jiwa yang gusar menjadi tenteram. Sepanjang Ramadhan kita mampu bangkit bertahajjud di sepertiga akhir malam, mengapa setelah berlakunya Ramadhan sukar untuk kita melaziminya? Bangkitlah dan bermunajatlah di sepertiga akhir malam, kerana itu tabiat dan perlakuan orang-orang soleh. Begitu juga dengan ibadah-ibadah yang lain seperti tabiat suka bersedekah dan membantu fakir miskin, juga mesti diteruskan walaupun Ramadhan telah berlaku.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,**

Dalam pada kita bertekad untuk terus beramal, perlu diingatkan bahawa kita adalah makhluk kerdil yang tiada kekuatan sejati. Lantaran itu dalam bergembira di bulan Syawal, jangan lupa untuk berdoa kepada Allah *سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى*, agar kita terus tabah dalam mengabdikan diri kepada-Nya. Hal ini kerana halangan dalam meneruskan momentum pengabdian diri selepas Ramadhan sangatlah besar. Sepanjang Ramadhan kita dibantu dengan bantuan khusus oleh Allah seperti sabda baginda Nabi *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* yang bermaksud:

*“Apabila datangnya Ramadhan maka dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan.”*

﴿Hadis Riwayat Al Bukhari dan Muslim﴾

Namun selepas Ramadhan situasi kembali kepada asal. Pertarungan di antara kita dengan syaitan menjadi terbuka. Kita perlu sentiasa waspada dengan pengaruh dan bisikan syaitan kerana tipu



dayanya sangat lincah. Tekad iblis untuk menyesatkan keturunan Adam sangat menggerunkan. Al-Quran melalui ayat 16-17 surah al-Aa'raf mengisahkan iblis yang bersumpah untuk menyesatkan kita semua dari jalan yang lurus. Serangan tipu muslihat dilancarkan dari segenap arah dengan pelbagai taktik dan strategi. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*:

قَالَ فِيمَا أُغْوِيَنِي لِأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمِ ﴿١٦﴾ ثُمَّ لَأَتِيَنَّهُمْ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ

وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَنِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَاكِرِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Iblis berkata: “Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) telah menyebabkan aku tersesat, aku benar-benar akan menghalang mereka daripada (menjalani) jalan-Mu yang lurus. Kemudian aku akan mendatangi mereka daripada hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan Engkau tidak akan mendapati mereka itu bersyukur.” ﴿Surah Al-Aa'raf ayat 16-17﴾

## SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI,

Dalam suasana kita masih bergembira menghadiri jemputan rumah terbuka sempena Eidul Fitri, berpakaian serba baru dan menjamu selera dengan pelbagai hidangan yang enak, jangan kita lupa saudara kita yang kurang bernasib baik.

Pastinya antara saudara kita yang paling terkesan pada masa ini tidak lain tidak bukan adalah umat Islam di bumi Palestin. Mereka berada dalam suasana yang sangat tergaris, tidak mampu kita gambarkan dengan kata-kata. Tiada apa lagi yang tinggal untuk mereka meneruskan



hidup kecuali Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Mereka hilang segala galanya. Hampir kesemua tempat berlindung ranap. Mereka yang tercedera tiada lagi tempat untuk dirawat, yang selamat pula terus dalam tangisan ketakutan dan kebimbangan mengenangkan hari-hari mendatang.

Sejak Israel melancarkan perang kejamnya di Semenanjung Gaza pada 7 Oktober 2023, penduduk di sana kekurangan serba serbi. Bekalan makanan terputus sehingga mereka terpaksa memakan sisa-sisa makanan yang busuk dan makanan haiwan bagi mengalaskan perut sendiri. Berhadapan pula dengan krisis makanan yang mengancam nyawa. Bayangkan bagaimana mereka menempuh Ramadhan yang lepas? Dengan apakah mereka bersahur dan berbuka?

Sehingga 24 Januari 2024, tentera zionis telah menghancurkan lebih daripada 395 buah masjid dan hampir kesemua masjid di utara Gaza. Allahu Akbar. Kita tidak mampu membayangkannya. Hanya hati yang insaf dan tautan kasih kepada saudara seagama sahaja yang boleh merasa simpati dengan nasib mereka.

Bagaimana pula sambutan hari raya mereka? Pasti dalam suasana yang sangat perit dan duka. Tanpa baju baru dan tanpa makanan yang mencukupi untuk mengalaskan perut. Meskipun mereka kehilangan segala-galanya, mereka tidak pernah hilang iman. Mereka sentiasa positif, kuat dan teguh serta bersangka baik dengan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

**SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI,**



Kita mungkin tidak mampu menghentikan kezaliman melalui pertempuran senjata, tetapi kita masih mampu membantu mereka dengan cara lain. Kita mungkin bukan golongan hartawan tapi masih punyai lebihan dari perbelanjaan harian. Kuburkan sifat bakhil yang menjadi penghalang untuk kita bersedekah dan memberi. Sesungguhnya Allah menjanjikan gantian yang berlipat ganda kepada mereka yang suka bersedekah dan membantu golongan yang kurang bernasib baik. Ingatlah bahawa sedekah yang paling besar pahalanya ialah ketika kita berada dalam keadaan sihat dan masih sayang kepada harta.

### **AYUH SAUDARAKU GRADUAN RAMADHAN!**

Bersama kita bangkit ringankan beban yang ditanggung oleh saudara kita di bumi Palestin. Mereka sudah sangat lama hidup dalam sengsara. Jika kita rasa terharu melepaskan bulan Ramadhan yang dipenuhi dengan keampunan dan rahmat, kita patut terasa demikian juga apabila mengenangkan derita yang sedang ditanggung oleh mereka di sana.

Di samping aspek kebendaan, jangan lupa untuk terus mengadu dan berdoa kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang Maha Agung. Angkatlah tangan dan berdoalah dengan sepenuh hati. Mudah-mudahan doa hamba yang ikhlas dimakbulkan oleh Allah dan saudara kita di sana terus tabah menghadapi ujian dan cubaan berat ini.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai kesimpulan daripada khutbah, mimbar menggariskan beberapa perkara utama iaitu:



**Pertama:** Semangat Ramadhan hendaklah diteruskan dalam kehidupan seharian dan istiqamah dalam melakukan amal soleh, menjaga hubungan yang baik dengan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, serta berusaha untuk terus berbuat baik kepada sesama manusia.

**Kedua:** Momentum proses penyucian diri yang dilaksanakan selama sebulan Ramadhan perlu diteruskan dalam usaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

**Ketiga:** Sikap pentingkan diri sendiri dan mengabaikan hak saudara seagama sangat dibenci oleh Allah.

**Keempat:** Solidariti, kasih sayang, dan kecaknaan terhadap golongan yang menderita adalah nilai murni yang ditekankan dalam ajaran Islam.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*:

فَسَتَذْكُرُونَ مَا أَقُولُ لَكُمْ وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “(Kiranya kamu tetap berdegil sekarang) maka kamu sudah tentu akan mengetahui kebenaran apa yang aku katakan kepada kamu; dan aku sentiasa menyerahkan urusanku bulat-bulat kepada Allah (untuk memeliharaku); sesungguhnya Allah Maha Melihat akan keadaan hamba-hamba-Nya”. ﴿Surah Ghafir ayat 44﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan April

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلَيْنَا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّزْنَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنَّا بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٩١﴾

